

22 NOV 1999

Mahathir-Kukuh

HANYA MAJORITI DUA PERTIGA BENTUK KERAJAAN KUKUH -- MAHATHIR

PUTRAJAYA, 22 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) memerlukan majoriti dua pertiga bagi membolehkan negara mempunyai kerajaan yang kuat dan kukuh.

Katanya, kerajaan yang tidak mempunyai majoriti yang kukuh akan jatuh sekiranya terdapat anggota yang memasuki parti lawan.

"Kita minta dua pertiga bukan mahu menukar perlembagaan, tetapi kalau tidak ada dua pertiga, ada cuma 51 peratus, apabila dua tiga orang menyeberang masuk parti lawan, kerajaan akan jatuh," katanya ketika bertemu anggota Persatuan Bekas Tentera Malaysia di pejabatnya di sini hari ini.

Katanya, kerajaan yang bermajoriti kecil tidak akan tegap dan tegas menyebabkan beberapa keputusan penting tidak dapat diambil seperti pelaksanaan cukai yang kurang disenangi golongan tertentu.

Sebagai contoh, katanya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membantu Bumiputera dan kurang disenangi kaum lain, tidak akan dapat dilaksanakan sekiranya negara tidak mempunyai kerajaan yang kukuh.

"Tetapi kalau kita hanya ada 51 peratus, anggota kita masuk parti lawan, kerajaan jatuh. Jadi kita tidak sanggup membantu dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru," katanya.

Beliau berkata, dalam keadaan kerajaan mempunyai majoriti yang besar ketika ini ia tidak akan jatuh sekiranya terdapat anggota parti yang menyertai parti lawan.

BN yang mempunyai 14 parti komponen juga akan tetap gagah sekiranya terdapat dua tiga parti yang menyertai pembangkang, katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yang kukuh juga diperlukan untuk mempertahankan negara yang masih dianggap "muda" walaupun telah 42 tahun mencapai kemerdekaan.

"Kita tidak boleh percaya sekali merdeka, negara kita akan merdeka selama-lamanya. Sekali merdeka kita hanya akan merdeka sekiranya kita tahu bagaimana mempertahankan negara kita," katanya.

Beliau berkata, perpaduan dan keamanan perlu bagi menghalang cubaan pihak tertentu menguasai negara baru-baru ini.

Katanya, usaha pihak berkenaan dapat dilihat di negara jiran apabila ada cubaan memisahkan bahagian-bahagian di negara berkenaan untuk merdeka.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan akan tetap menghargai sumbangan dan jasa anggota tentera termasuk yang telah bersara terutamanya ketika mempertahankan negara daripada ancaman komunis.

Katanya, anggota tentera yang mempunyai disiplin dan semangat yang tinggi telah membantu negara menghapuskan perjuangan gerila komunis dan turut mendapat perhatian beberapa negara asing.

Beberapa negara di Afrika sentiasa beranggapan negara yang menghadapi tentangan gerila akan tewas dan kerajaan akan jatuh, katanya.

-- BERNAMA

RZS NMO